

Sinar Harian 13/1/2018 (ms 18)



Hasbollah (kanan) menyampaikan wang zakat kepada penerima di Darul Asnaf - Tanjung Ipoh.

33 asnaf terima zakat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia

KUALA PILAH - Seramai 33 penerima bantuan yang juga asnaf di Darul Asnaf Tanjung Ipoh menerima wang zakat pada majlis pengagihan zakat korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains).

SSM telah memperuntukkan sumbangan sebanyak RM15,000 kepada penerima tersebut bagi memenuhi tanggungjawab korporat kepada masyarakat khususnya golongan asnaf, fakir dan miskin.

Pegawai Baitulmal Daerah Kuala Pilah, Hasbollah Ahmad memberitahu, dalam majlis ter-

sebut setiap asnaf akan menerima wang sumbangan sebanyak RM300 seorang.

"Mereka menerima wang tunai bernilai RM300 manakala selebihnya diberikan kepada Darul Asnaf bagi menampung perbelanjaan pendidikan anak-anak di sini.

"Pastinya kami amat mengalu-alukan badan korporat untuk menyumbang dan menyantuni golongan memerlukan agar mereka tidak tersisih serta menjalani kehidupan lebih baik," katanya.

Hadir sama, Pengarah SSM Negeri Sembilan, Rashidan Abd Rashid.